

45/KLIA/2025



AGANSI KAWALAN DAN PERLINDUNGAN SEMPADAN MALAYSIA (AKPS)

PAS KHAS PALSU: WANITA INDIA DITAHAN DI BALAI PERLEPASAN KLIA

SEPANG, 24 Ogos 2025 – Seorang wanita warganegara India berusia 45 tahun ditahan oleh pegawai Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan (AKPS) di Balai Perlepasan, Terminal 1 KLIA selepas dikesan cuba memperdaya pihak berkuasa dengan menggunakan pas khas palsu untuk keluar dari Malaysia ke India petang semalam.

Hasil pemeriksaan rapi mendapati dokumen yang dikemukakan tidak munasabah dan disahkan palsu. Cubaan licik wanita terbabit digagalkan serta-merta oleh pegawai AKPS.

Susulan itu, subjek ditangkap bagi tujuan siasatan lanjut kerana disyaki melakukan kesalahan serius di bawah Seksyen 56(1)(l) Akta Imigresen 1959/63. Beliau kini ditahan di bawah Seksyen 51(5)(b) Akta Imigresen 1959/63 dan ditempatkan di Depot Imigresen KLIA bagi siasatan seterusnya.

AKPS menegaskan bahawa sebarang cubaan menggunakan dokumen palsu tidak akan dikompromi dan akan dikenakan tindakan undang-undang paling tegas. AKPS kekal komited memastikan integriti sempadan negara tidak digugat serta keselamatan pintu masuk Malaysia sentiasa berada pada tahap tertinggi.

Gambar berkaitan :

https://drive.google.com/drive/folders/1z7Btaq1XqC27q9Uah85t-8AHY50P-_VW

TAMAT

24 OGOS 2025

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

**AGANSI KAWALAN DAN PERLINDUNGAN SEMPADAN MALAYSIA (AKPS)
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**